

FAKTOR DAN KESAN MASALAH MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DI BRUNEI DARUSSALAM

*(Factors and Effective Reading Problems in Government Primary
School Pupils in Brunei Darussalam)*

TAMAM TIMBANG
ZAMRI MAHAMOD
AFENDI HAMAT

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai tempat. Data kualitatif diperoleh sepenuhnya melalui temu bual mendalam. Subjek kajian terdiri daripada empat orang murid, empat orang ibu bapa dan enam orang guru daripada empat buah sekolah rendah di Brunei Darussalam. Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo 7 dan dapatan kajian dilaporkan dalam dua bahagian, iaitu profil sekolah dan subjek kajian serta berdasarkan kepada soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor penyumbang kepada wujudnya masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam disebabkan oleh (a) faktor individu, (b) psikologi, (c) faktor kaedah pengajaran guru, (d) masa pengajaran, (e) faktor persekitaran, dan (f) buku teks bacaan yang digunakan. Sebanyak lima kesan masalah membaca, iaitu (i) gagal dalam peperiksaan, (ii) menjejaskan pembelajaran subjek lain, (iii) kesukaran menghadapi peperiksaan, (iv) kesan psikologi dan (v) kedudukan nombor di dalam kelas dihadapi oleh murid-murid yang tidak boleh membaca ini. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa kaedah pengajaran guru bahasa perlu diperbaiki dan ditingkatkan bagi mengatasi masalah membaca murid-murid darjah 6 di Brunei Darussalam.

Kata kunci: Faktor masalah membaca, kesan masalah membaca, kajian kualitatif, sekolah rendah kerajaan, kemahiran membaca

ABSTRACT: *This research to study the factors and effective reading problem among the primary pupils from the government schools encounter in Negara Brunei Darussalam. The qualitative method that used multicase multiplesite approach. The participant which included four pupils, four parents and six teachers from four different primary schools in Brunei Darussalam, were interviewed in depth. The Nvivo 7 software used to analyze the data. The findings were reported in two parts; the profiles of the schools and participants in the research, as well as the report on the questionnaires. From this research, it is found that the factors that contribute to the inability to read efficiently in the government school primary students are: (a) individual factor, (b) psychological factor, (c) method of teaching, (d) lesson periods, (e) environmental factor, and (f) text books. The five effective readings problem there was found: (i) fill in examination, (ii), to effect another subject, (iii) problems in examination, (iii) psychology effect, and (v) nombor of position in class. The*

implication study are language teacher teaching methode to improve to settle readings problem among school pupils at Brunei Darussalam.

Key words: *Reading problem factors, effective reading problem, qualitative study, government primary school*

PENGENALAN

Isu membaca tidak pernah lapuk untuk diperkatakan. Biarpun masyarakat kita mengalami arus perubahan dalam dunia globalisasi, serta bergelumang dengan dunia teknologi maklumat dan perkomputeran, namun hakikat kepentingan membaca tidak boleh diabaikan (Mohamad Sofee 2007). Hanya dengan membaca, negara dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berwawasan. Masyarakat membaca juga menjadikan ilmu sebagai landasan hidup. Oleh yang demikian, masyarakat membaca sangat cintakan bahan-bahan ilmu, khususnya buku, jurnal dan majalah yang menyalurkan ilmu dan menyuburkan hikmah.

Masalah membaca juga dapat menjejaskan prestasi pencapaian murid dalam semua mata pelajaran. Menurut Mahzan (2003) dan Yahya (2008), kajian berkaitan proses membaca penting dilakukan untuk membantu murid menambahkan khazanah ilmu. Penyelidikan berkaitan dengan aspek membaca mencerminkan wujudnya kesedaran untuk menjadikan amalan membaca sebagai budaya ilmu yang perlu dikekalkan. Dalam pendidikan bahasa Melayu di Malaysia, penekanan terhadap proses membaca telah diberikan perhatian, terutama melalui penetapan kemahiran bahasa yang perlu dicapai seperti yang terkandung dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000). Justeru, masalah membaca memberi kesan terhadap keupayaan murid-murid untuk mencapai keputusan yang lebih baik dalam semua mata pelajaran, termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Di negara Brunei Darussalam, kajian tentang membaca belum banyak dijalankan seperti di Malaysia atau negara-negara lain. Walau bagaimanapun, masalah membaca memang wujud, terutama pada peringkat sekolah rendah. Bukti wujudnya masalah membaca ini dapat dilihat melalui pencapaian murid melalui keputusan peperiksaan sekolah dan awam (Keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah 2003-2007). Melihat pentingnya kemahiran membaca itu, maka kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan sebahagian murid darjah 6 di Brunei menghadapi masalah membaca.

Kamaruddin (1990) menyatakan bahawa kelemahan murid dalam membaca dan memahami teks yang dibaca sememangnya menjadi masalah yang besar kepada murid-murid tersebut. Kelemahan-kelemahan itu boleh menimbulkan pelbagai kesukaran kepada mereka untuk mengikuti proses belajar seterusnya. Masih terdapat rungutan dalam kalangan guru sekolah rendah dan sekolah menengah di Brunei Darussalam yang mempersoalkan murid yang tidak boleh membaca dan memahami teks dengan

berkesan. Masalah ini dapat dilihat melalui hasil keputusan ujian dan peperiksaan awam sekolah (Laporan Tahunan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Brunei 2005).

Jadual 1 memaparkan pencapaian murid darjah 6 dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dari tahun 2003 hingga 2007, khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di negara Brunei Darussalam. Jadual 1 tersebut menunjukkan masih terdapat sebilangan murid darjah 6 di Brunei yang tidak lulus dalam bahasa Melayu. Walaupun peratus gagal itu agak rendah berbanding dengan mata pelajaran lain, tetapi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, ini merupakan sesuatu perkara yang agak membimbangkan. Kegagalan murid-murid tersebut membuktikan bahawa mereka menghadapi permasalahan membaca. Laporan Ketua Pemarkahan mata pelajaran Bahasa Melayu tahun 2003 sehingga 2007 menyatakan bahawa masalah membaca merupakan salah satu penyebab kepada tingginya peratus kegagalan dalam peperiksaan Bahasa Melayu (Laporan Ketua Pemarkahan, Kementerian Pelajaran Brunei 2003-2007). Keputusan mata pelajaran Bahasa Melayu dijadikan kayu ukur untuk menilai kemampuan membaca murid-murid di Brunei Darussalam.

Jika dilihat pada pencapaian murid mengikut gred dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dari tahun 2003 hingga 2007, masih ramai murid yang memperoleh gred D. Gred D menggambarkan murid berkenaan mempunyai masalah dalam pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa murid yang memperoleh gred D dapat dikategorikan sebagai murid yang menghadapi masalah membaca. Masih terdapat murid-murid yang lemah atau gagal membaca di Brunei walaupun negara ini sebuah negara yang kecil, mempunyai jumlah penduduk yang sedikit, lengkap dengan prasarana pendidikan dan sudah maju dalam bidang pendidikan.

Jadual 1: Pencapaian Calon dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Mengikut Gred di antara Tahun 2003-2007

Tahun	Ramai Calon	A	B	C	D	%
2003	5356	1361	1784	1541	44	8.31
2004	5394	1712	1828	1349	362	6.71
2005	5114	1356	1832	1397	329	6.43
2006	5032	1399	1444	1404	486	9.65
2007	5116	1558	1771	1297	282	5.51

Sumber: Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Brunei (2007)

Kajian Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Jabatan Perkembangan Kurikulum (2006) terhadap pencapaian lapan buah sekolah rendah di Brunei mendapati 55 peratus atau lebih daripada separuh murid di sekolah-sekolah yang dikaji berada di tahap lemah, dan 45 peratus sahaja yang dapat dikategorikan sebagai baik dan lancar membaca. Masalah membaca yang dihadapi oleh murid-murid ini telah memberikan kesan yang tidak baik terhadap pencapaian murid-murid tersebut. Mereka bukan sahaja menghadapi masalah pada mata pelajaran Bahasa Melayu, malah juga menjejaskan hampir semua mata pelajaran yang lain. Laporan Lembaga Peperiksaan Brunei (2007)

ini membuktikan bahawa kebanyakan kes murid yang gagal dalam mata pelajaran tertentu atau gagal keseluruhan adalah kerana mereka menghadapi masalah membaca.

Masalah membaca memberikan kesan yang tidak baik terhadap pencapaian individu dalam pembelajaran. Ketidakbolehan membaca juga boleh memberikan kesan psikologi kepada individu berkenaan, sehingga mereka kurang dapat memajukan diri sendiri sekiranya mereka memiliki kebolehan membaca yang baik. Mengikut Md. Daud (2005), terdapat ramai murid di Brunei yang tidak mampu bertutur dengan baik semasa mereka menyampaikan idea, pendapat dan sebagainya. Sikap sesetengah guru bahasa Melayu yang kurang memberikan perhatian terhadap kemahiran membaca dan bertutur sewaktu berada di bilik darjah berkemungkinan telah menyumbang terhadap keadaan sedemikian. Bagi murid darjah 6 di sekolah-sekolah rendah di Brunei Darussalam, sepatutnya mereka telah dapat menguasai kemahiran membaca tersebut dan dapat memahami teks yang dibaca. Murid-murid yang berdepan dengan masalah membaca tentunya terdapat faktor-faktor tertentu yang menyebabkan berlaku gejala tersebut. Oleh itu, kajian faktor masalah membaca dan kesan masalah membaca kepada murid-murid perlu dibuat kajian di Negara Brunei Darussalam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor dan kesan masalah membaca yang menyebabkan berlakunya masalah membaca dalam kalangan murid darjah 6 di Brunei Darussalam. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan masalah membaca dalam kalangan murid darjah 6 di Brunei Darussalam masih berlaku walaupun sistem pendidikan semakin maju dan bertaraf dunia.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara mengumpul dan mengolah data berdasarkan perancangan khusus dan sistematik yang melibatkan serangkaian pemboleh ubah dalam sesebuah kajian (Chua Yan Piaw 2006). Kajian ini dijalankan sepenuhnya menggunakan kaedah kajian kes, iaitu menggunakan reka bentuk kajian kes satu kes pelbagai tempat. Pelbagai kes merujuk kepada beberapa orang murid, guru dan ibu bapa yang memberikan data tentang masalah membaca, manakala pelbagai tempat merujuk kepada beberapa buah sekolah yang dijadikan sebagai tempat kajian ini. Pengumpulan data melalui temu bual mendalam menjadi tunjang kepada kajian ini. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat mencungkil perasaan, emosi dan pemikiran subjek kajian permasalahan membaca tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji bertindak sebagai alat kajian serta berkeupayaan memahami perlakuan manusia, menggunakan pengalaman dan pengetahuan untuk meneliti dan menelaah tentang apa yang dikaji dengan lebih bermakna (Marohaini 2001). Reka bentuk ini dipilih kerana dapat memberikan gambaran yang kukuh tentang permasalahan membaca murid-murid sekolah rendah yang dikaji.

Subjek Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih murid-murid yang bermasalah membaca, guru-guru dan ibu bapa yang berperanan sebagai pendidik kepada murid-murid tersebut untuk dijadikan sebagai subjek kajian. Pemilihan subjek kajian tersebut dilakukan secara rawak bertujuan, iaitu teknik pengambilan subjek dengan mengambil kira pertimbangan tertentu. Pertimbangan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah subjek kajian yang dipilih dapat memberikan data sepenuhnya tentang kajian ini. Penentuan kriteria subjek tersebut dilakukan oleh pengkaji dan juga mengambil kira pandangan pihak sekolah tentang murid-murid yang menghadapi masalah membaca tersebut. Hal ini dinyatakan oleh Flick (1998) menegaskan pemilihan subjek bagi kajian kualitatif adalah berdasarkan dengan kesesuaiannya dengan tajuk yang dikaji.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan tiga set soalan temu bual, iaitu panduan temu bual murid, guru dan ibu bapa murid. Soalan protokol temu bual kajian ini telah dibina dalam bentuk pertanyaan terbuka, iaitu subjek temu bual bebas menyatakan pandangan mereka berdasarkan soalan-soalan yang diberikan tanpa disekat.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Data

Untuk melihat kesahan protokol temu bual, pengkaji telah meminta beberapa orang pakar untuk menilai dan menyemak soalan protokol yang dibina. Pengesahan pakar penting bagi memastikan protocol temu bual boleh dipercayai (Yin 1994). Untuk melihat kebolehpercayaan data temu bual yang dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah pengiraan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa seperti yang dicadangkan oleh Yin (2004). Pengkaji telah meminta perkhidmatan tiga orang pakar untuk menyemak dan memberikan komen terhadap protokol temu bual yang telah siap dibina oleh penyelidik. Ketiga-tiga orang pakar tersebut ialah dua orang mempunyai kepakaran dalam bidang Bahasa Melayu dan satu orang lagi mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan kualitatif. Kebolehpercayaan data temu bual dilihat menggunakan kaedah Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa (K) menggunakan formula yang dicadangkan oleh Yin (1994), iaitu seperti berikut:

$$(fa-fc)/(N-fc)$$

fa= kekerapan persetujuan penilai

fc= kekerapan kebarangkalian

N= jumlah item yang disediakan dalam skema pengekodan

Indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa secara keseluruhannya ialah $K = 0.87$. Landis dan Koch (1977) telah mencadangkan cara interpretasi nilai yang diperolehi menggunakan formula Cohen Kappa tersebut, iaitu nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.75 menunjukkan persetujuan yang kuat ataupun menunjukkan tahap konsistensi pengekodan data yang dilakukan oleh pengkaji adalah tinggi. Nilai 0.41

hingga 0.74 menunjukkan tahap ketekalan yang sederhana, dan nilai di bawah 0.40 menunjukkan tahap ketekalan yang lemah.

Prosedur Penganalisan Data

Data temu bual telah melalui proses transkripsi bagi setiap subjek. Setelah data disemak, pengkaji terus mendapatkan tema-tema penting daripada data tersebut. Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai pada tahap ketepuan data. Untuk memudahkan pengkaji mengorganisasikan data, perisian NVivo 7 digunakan. Sebelum proses analisis dilakukan menggunakan perisian tersebut, semua hasil transkripsi dipastikan bersih terlebih dahulu, iaitu dengan cara meminta menyemak semula oleh subjek kajian. Langkah selanjutnya adalah mencari tema-tema penting tentang faktor-faktor masalah membaca yang dihadapi oleh murid-murid yang terlibat dalam kajian ini.


DAPATAN KAJIAN

Profil Subjek Kajian

Seramai 14 orang telah dipilihkan sebagai subjek kajian. Mereka terdiri daripada enam orang guru, empat orang murid dan empat orang ibu bapa murid. Guru-guru yang dijadikan subjek kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu darjah 6 di empat buah sekolah rendah di daerah Brunei Muara, Brunei Darussalam. Murid yang menyertai kajian ini ialah murid-murid yang telah dipilih oleh guru Bahasa Melayu dan memenuhi kriteria sebagai subjek kajian. Ibu bapa pula terdiri daripada bapa dan ibu subjek murid yang telah dipilih tadi. Semua subjek kajian diberikan kod, iaitu G1, G2, G3, G4, G5 dan G6 untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. M1, M2, M3 dan M4 untuk murid-murid yang belajar di darjah 6 yang telah dipilih sebagai subjek kajian. Manakala IB1, IB2, IB3 dan IB4 adalah kod ibu bapa murid yang menjadi subjek kajian. Enam orang guru sekolah rendah yang menyertai kajian ini terdiri daripada dua orang perempuan dan empat orang guru lelaki. Seramai empat orang murid lelaki menjadi subjek kajian, manakala subjek ibu bapa pula terdiri daripada tiga orang lelaki dan seorang perempuan. Semua subjek yang dijadikan subjek kajian ini diberikan kod untuk melindungi identiti mereka.

Faktor-Faktor Masalah Membaca

Berdasarkan dapatan temu bual mendalam yang dijalankan terhadap 14 orang subjek, telah dikenal pasti enam faktor utama punca berlakunya masalah membaca dalam kalangan murid darjah 6 di sekolah rendah kerajaan Brunei Darussalam. Keenam-enam faktor-faktor tersebut ialah (i) kaedah atau cara pengajaran guru, (ii) persekitaran, (iii) psikologi, (iv) individu, (v) masa pengajaran dan (vi) teks yang digunakan. Faktor-faktor tersebut digambarkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Faktor-Faktor Masalah Membaca

Kaedah Pengajaran Guru

Hasil dapatan temu bual yang dijalankan didapati kaedah pengajaran guru merupakan salah satu punca berlakunya masalah membaca dalam kalangan murid darjah 6 sekolah rendah kerajaan Brunei. Masalah dalam kaedah pengajaran guru yang didapatkan melalui kajian ini dapat dirumuskan kepada tiga punca utama, iaitu (i) kurang pengalaman, (ii) penggunaan kaedah pengajaran membaca secara beramai-ramai dan individu, dan (iii) tidak ada kaedah yang berkesan dalam pengajaran membaca. Hal ini diakui oleh subjek kajian G2, M3 dan IB1 ketika ditemu bual:

Kebanyakan kami guru-guru ini kurang pengalaman mengajar membaca atau mereka tidak menggunakan kaedah membaca yang sepatutnya seperti kaedah suku kata atau apa-apa kaedah yang baiklah (G2).

Kami disuruh membaca di rumah, waktu berada di sekolah kami disuruh membaca lagi cerita yang sama. Itu saja. Kadang-kadang di sekolah membaca beramai-ramai (M3).

Seingat saya anak saya ini semasa berada di kelas rendah bawah sudah mula menunjukkan kelemahan membaca, bagi saya kalau di peringkat awal sudah diatasi dan dibantu saya fikir tentu masalah ini tidak akan sampai ke darjah yang lebih tinggi. Bagi saya cara guru mengajarlah,... tidak kenalah cikgu (IB1).

Faktor Persekitaran

Faktor seterusnya yang dikenal pasti punca berlakunya masalah membaca dalam kalangan murid darjah 6 di sekolah rendah kerajaan Brunei Darussalam ialah persekitaran yang tidak kondusif. Terdapat tiga faktor persekitaran yang ditemui dalam kajian ini, iaitu (i) keluarga, (ii) sekolah, dan (iii) rakan. Kesemua subjek kajian mengakui bahawa faktor keluarga, sekolah dan rakan sebaya merupakan antara faktor masalah membaca masih berlaku. Ketiga faktor persekitaran yang menjadi penyumbang kepada berlakunya masalah membaca dapat ditunjukkan dalam petikan temu bual terhadap subjek ibu bapa dan guru.

Persepsi ibu bapa juga begitu lebih mementingkan subjek seperti Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris mereka sanggup menghantar anak-anak mereka belajar (tusyen) untuk subjek tersebut tetapi tidak pada bahasa Melayu yang mereka anggap mudah lulus dan kurang penting, tetapi sebaliknya anak-anak bukan Melayu pula (kebiasaannya orang Cina) pula yang menghantar anak-anak mereka belajar/tusyen bahasa Melayu kerana subjek ini penting untuk mendapatkan biasiswa. Saya rasa persepsi ini juga menjadi punca (G2).

Faktor sekolah juga adalah penyumbang kepada masalah ini. Masalah membaca ini sepatutnya sudah selesai atau tidak lagi ada bagi murid darjah 6. Contoh saya pada masa ini lebih fokus kepada murid untuk menghadapi peperiksaan PSR 2009, saya tidaklah lagi akan banyak menumpukan perhatian kepada mengajar membaca murid-murid yang lemah ini, kerana bagi saya murid darjah 6 ini mesti lulus peperiksaan PSR ini nanti. Caranya saja ialah murid yang lemah ini diajar oleh guru-guru lain khusus untuk membaca sahaja. Bagi saya ini sudah terlambat. Sepatutnya mengatasi kelemahan membaca ini sudah bermula sejak murid itu dikenal pasti lemah membaca itulah. Kerana pada Darjah 1, 2 atau 3 mereka ini sepatutnya sudah mantap dengan kemahiran membaca. Jadi bila dia berada di darjah 4, 5 dan 6 tumpuan guru hanya kepada pengajaran mata pelajaran seperti Matematik, Sains, Geografi, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (G5).

Faktor Psikologi

Minat dan motivasi sangat berperanan dalam membina tabiat dan keupayaan membaca. Minat yang mendalam terhadap bahan bacaan memudahkan seseorang itu mengalami proses pembacaannya. Dapatan kajian yang dijalankan mendapati terdapat dua faktor yang berkaitan dengan psikologi, iaitu (i) kurang minat belajar dan (ii) kurang mengambil perhatian semasa belajar. Faktor tidak minat membaca merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada wujudnya masalah membaca dalam kalangan murid darjah 6. Hal ini diakui oleh subjek kajian yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Bagi subjek ibu bapa IB4, beliau mendapati bahawa anaknya kurang berminat untuk membaca. Hal ini berdasarkan pada petikan temu bual dengan IB4 yang mengatakan: *"...saya lihat dia (M4) kurang berminat atau suka membaca"*.

Subjek M1 turut menyatakan bahawa sikap kurang minat membaca pada dirinya adalah berpunca daripada kegagalannya untuk menguasai kemahiran membaca dengan

baik. Katanya, "...saya tidak berapa pandai membaca, jadi... tidak berapa minat membaca buku". Subjek kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu juga mendapati antara punca kelemahan membaca dalam kalangan murid yang terlibat dalam kajian ini adalah berpunca daripada kurang minat membaca. Subjek G2, G3 dan G4 menyatakan:

Tumpuan belajar dari murid itu kurang, misalnya semasa pengajaran di bilik darjah murid-murid seperti ini kurang mengambil perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru. Perkara ini juga saya rasa berkait rapat dengan sikap dan tabiat belajar murid berkenaan. Sebab murid yang pandai membaca mempunyai sikap dan tabiat rajin belajar berbanding dengan murid yang lemah membaca ini. Memang sudah ditakdirkan mungkin begini keadaannya (G2).

Saya perhatikan murid-murid ini semasa kita mengajar, mereka kurang mengambil perhatian, Nampak seperti agak malas sikit ketika belajar. Jadi bila sudah tidak menumpukan perhatian pada pengajaran guru macam mana mereka nak belajar dan faham apa yang diajarkan oleh cikgu (G4).

Faktor Individu

Faktor individu berkait rapat dengan kecerdasan dan kebolehan membaca. Murid-murid yang mempunyai kecerdasan yang tinggi selalunya berpeluang memahami dengan cepat bahan bacaan yang dibaca berbanding murid yang lemah membaca. Dalam konteks kajian ini, faktor individu ialah faktor yang berkaitan dengan kecerdasan murid lemah dalam pembelajaran dan membaca. Murid-murid ini juga mempunyai ingatan yang lemah dan tidak dapat mengingat maklumat dan apa yang telah dipelajari dalam jangka masa yang panjang.

Bagi sebilangan subjek guru, faktor kecerdasan murid atau individu adalah berkait rapat dengan kebolehan membaca mereka. Kecerdasan murid yang rendah menjadikan individu berkenaan tidak boleh mengingat apa yang dipelajari untuk jangka masa panjang dan menyebabkan murid-murid ini membuat tanggapan yang meleset dari apa yang telah dipelajari. Ini diakui oleh subjek G1, G3 dan juga subjek IB1 dan IB4 ketika ditemu bual.

Mengikut latihan-latihan yang pernah dibuat mungkin IQ murid berkenaan terlalu rendah, ingatan hanya sementara tidak boleh membawa ke hari esok, tanggapan selalu meleset (G1):

Yang saya tahu cikgu dia agak lemah sedikit ketika itu tapi sejak naik Darjah 5 dan 6 kebolehan membaca dia agak semakin baik. Saya rasa anak saya yang seorang ini agak slow sikit berbanding dengan adik beradiknya yang lain. Mungkin agak kurang cerdaslah cikgu (IB1).

Teks yang Digunakan

Secara tradisi, variasi dalam pembacaan murid berpunca daripada jenis teks yang dibaca. Pengaruh teks terhadap pembaca adalah sangat kompleks. Teks yang mudah

dan menarik memudahkan pembaca, membaca dan memahami isi kandungan teks tersebut. Sebaliknya, jika teks yang dibaca terlalu tinggi bahasanya, banyak teks, tulisan yang kecil dan lain-lain boleh mengganggu pembacaan pembaca. Dapatan temu bual mendapati terdapat dua perkara utama yang berhubung kait dengan faktor teks, iaitu tidak menarik dan sukar difahami.

Berdasarkan keterangan subjek kajian, teks yang tidak menarik adalah berkaitan dengan isi kandungan atau bahan cerita yang sudah terlalu lama dan kurang sesuai dengan keadaan semasa murid. Kenyataan ini bertepatan dengan keterangan subjek G1 yang menyatakan bahawa buku teks bacaan yang digunakan oleh murid-murid darjah 6 tidak lagi sesuai digunakan oleh murid-murid pada masa kini. Cerita yang terdapat dalam teks berkenaan sudah lama, perlu diperbaharui dan disesuaikan dengan keadaan dan kehendak pada murid masa kini. Di samping itu, sebahagian kandungan teks bacaan tersebut terlalu panjang dan sukar difahami murid. Kandungan teks berkenaan kurang sesuai dengan kebolehan murid darjah 6, terutama murid yang masih rendah tahap kemahiran membaca mereka. Kenyataan ini dijelaskan oleh subjek G1, G2 dan G3 melalui temu bual berikut:

Saya rasa ada juga yang selari dan sesuai tetapi ada juga yang perlu diubah suai. Misalnya ada sebilangan teks bacaan yang terlampau panjang, ada juga teks bacaan yang sudah lama, cerita dalamnya perlu yang baru dan disesuaikan dengan keadaan murid masa kini (G1).

Buku teks bacaan yang digunakan setakat ini sesuai juga tetapi ada juga sebahagian kandungan teks bacaan itu yang terlampau panjang disamping isi cerita yang sudah jauh ketinggalan dengan alam kehidupan murid-murid masa kini. Saya rasa buku teks bacaan perlu diperbaharuilah (G2).

Faktor buku teks yang kurang menarik juga diakui oleh subjek murid yang terlibat kajian ini. Sebagai contoh, subjek M1 dan M2 yang ditemu bual berpendapat bahawa ada sebahagian cerita atau isi cerita dalam bahan bacaan yang digunakan mereka pada masa ini kurang menarik sekaligus kurang menarik minat mereka untuk membaca seperti dikesan dalam hasil temu bual berikut:

Suka sedikit kerana susah untuk dibaca dan difahami. Sebab ceritanya panjang, perkataannya panjang dan susah untuk dieja (M1).

Ada jua saya suka. Tetapi banyak yang saya tidak suka sebab ceritanya tidak seronok dan susah nak dibaca (M2).

Masa Pengajaran

Faktor masa pengajaran bermaksud masa pengajaran membaca yang diperuntukan terlalu singkat dan tidak mencukupi. Peruntukan masa pengajaran membaca yang terlalu singkat ini tidak banyak membantu murid tahap kecerdasan sederhana dan lemah untuk menguasai kemahiran membaca. Kenyataan masa pengajaran membaca


yang singkat dan tidak mencukupi dikongsikan oleh subjek G1, G3, G4, G5, G6 ketika ditemu bual:

Bagi saya masa 30 minit itu tidak mencukupi, sepatutnya masa membaca itu biarlah mengambil masa yang panjang terutama bagi murid barjah 1, 2 dan 3 sebab bagi saya membaca adalah asas. Jadi pada peringkat asas kemahiran membaca atau apa saja kemahiran perlu dikukuhkan terlebih dahulu sebelum mereka ini pergi lebih jauh lagi dengan mempelajari banyak mata pelajaran dan mempelajari bahasa Inggeris. Saya melihat keadaan ini kurang diambil perhatian berat oleh pihak Kementerian. Bila dilihat pada bebanan subjek darjah 1, 2 dan 3 terlampau banyak sehingga lapan mata pelajaran. Jadi tumpuan kanak-kanak untuk mengukuhkan kemahiran membaca dan lain-lain kemahiran itu terbatas disebabkan bebanan subjek yang banyak yang harus mereka kuasai (G1).

Bagi saya tidak mencukupi sebabnya selepas aktiviti membaca bukan hanya setakat membaca sahaja, asal pandai membaca seperti burung kakak tua maksudnya ia harus faham apa yang dibacanya dan ada aktiviti susulan selepas membaca. Seperti aktiviti bercerita dari apa yang mereka baca tadi. Bukannya membaca hanya tahu membunyikan kata atau perkataan sahaja. seharusnya guru-guru ada inisiatif sendiri untuk menggalakkan murid-murid membaca lebih jauh lagi (G6).

Kesan Masalah Membaca

Berdasarkan dapatan hasil temu bual yang diperolehi, terdapat lima kesan yang diterima oleh murid-murid jika mereka gagal atau tidak boleh membaca, iaitu (i) gagal dalam peperiksaan, (ii) menjejaskan pembelajaran subjek lain, (iii) sukar menghadapi peperiksaan, (iv) kesan psikologi dan (v) kedudukan terakhir selepas peperiksaan. Kesan tidak boleh membaca itu digambarkan pada Rajah 2.



Rajah 2: Impak Tidak Boleh Membaca

Gagal dalam Peperiksaan

Kegagalan murid membaca dengan baik seringkali dikaitkan dengan kegagalan dalam peperiksaan. Kegagalan dalam peperiksaan ini banyak dipengaruhi oleh kesukaran murid-murid untuk memahami isi kandungan pelajaran yang dipelajari disebabkan oleh kegagalan mereka membaca dengan baik. Kenyataan ini diakui oleh subjek G1 dan G4 yang menjadi subjek kajian ini. Ketika ditemu bual oleh pengkaji, G1 dan G4 berkata:

Senario yang wujud bila murid gagal dalam peperiksaan besar seperti PSR, PMB ialah kita akan mendengar orang mengatakan murid atau pelajar itu gagal kerana faktor yang utama ialah lemah membaca. Memang diakui membaca adalah kunci utama dalam pembelajaran, tanpa ada kemahiran membaca memang pembelajaran murid akan menjadi pincang (G1).

Ok. Kalau bercakap gagal dalam ujian dan peperiksaan, realitinya memang tepat cikgu sebab hampir semua murid yang gagal dalam peperiksaan rata-rata masalah mereka adalah tidak boleh membaca atau lemah kemahiran membaca mereka. Ia berkaitan dengan faktor sukar untuk memahami isi pelajaran. Ini memang tepat sebab apabila tidak boleh membaca sudah tentu mereka ini tidak boleh memahami apa yang terkandung didalam sesuatu isi pelajaran yang mereka pelajari itu (G4).

Kesan gagal dalam peperiksaan ini juga turut diakui oleh subjek IB3. Beliau berpendapat kegagalan anak-anak mereka membaca dengan baik telah menyebabkan mereka sukar untuk menjawab soalan peperiksaan. Kenyataan ini subjek lontarkan pada pengkaji ketika ditemu bual. Kata IB3:

Anak saya ni cikgu selalu saja gagal dalam ujian dan periksa, kerana masalah membaca. Maksud saya dia ini lemah dalam membaca sebab itu sukar untuk menjawab soalan (IB3).

Hal yang sama diakui oleh subjek M1 dan Me ketika ditemu bual telah menjelaskan bahawa masalah membaca yang dihadapi seringkali menyebabkannya gagal dalam ujian dan peperiksaan. Ini diakui sendiri oleh M1 dan M3 ketika ditemu bual pengkaji, katanya:

Saya selalu saja gagal dalam periksa cikgu, kerna saya tidak pandai membaca, lagi pula saya tidak faham apa yang saya baca (M3).

...dalam periksa saya selalu tidak lulus dan selalu kena marah. Sebab saya tidak berapa pandai membaca cikgu (M1).

Menjejaskan Pembelajaran Mata Pelajaran Lain

Murid yang menghadapi masalah membaca ini juga didapati berhadapan dengan masalah untuk menguasai mata pelajaran lain selain Bahasa Melayu. Akibat daripada kelemahan menguasai kemahiran membaca ini, pencapaian mereka terhadap mata-mata pelajaran lain seperti Matematik, Bahasa Inggeris, Sains dan Geografi juga terjejas. Hal ini diakui oleh kesemua subjek guru yang ditemu bual. Semua subjek guru bersetuju bahawa masalah membaca dalam kalangan murid turut menjejaskan pencapaian mereka dalam subjek lain selain mata pelajaran Bahasa Melayu seperti kata subjek G2, G4 dan G5:

Kerana disebabkan kelemahan membaca mereka sudah tentu penguasaan membaca terhadap mata pelajaran lain seperti sains, Geografi, Matematik menjadi sukar kerana subjek berkenaan diajar dalam Bahasa Inggeris. Ini memang menjadi kenyataan berdasarkan keputusan ujian, latihan dan peperiksaan (G2).

Bagi saya kegagalan menguasai kemahiran membaca di peringkat rendah sangat menyukarkan murid ini untuk meneruskan pelajaran. Sebagai contoh saja, murid-murid yang berada di Darjah 6 ini tumpuan mereka adalah menguasai semua mata pelajaran yang ada di peringkat ini, tetapi adalah malang bagi sebahagian kecil murid yang lemah kemahiran membaca, mereka tidak dapat menumpukan sepenuhnya terhadap semua mata pelajaran di peringkat ini kerana mereka bergelut dengan kelemahan untuk memahami isi pelajaran tersebut kerana mereka ini lemah menguasai membaca. Akibat dari ini juga banyak masa digunakan untuk membimbing murid yang lemah ini. Seperti mengajar mereka membaca semula seperti murid di Darjah 1 dan 2.

Pada hal sepatutnya pada peringkat ini mereka ini sudah mahir membaca dan menguasai kemahiran membaca ini (G4).

Memang betul sebab dari pengalaman saya, jika mengajar murid yang tidak ada asas membaca memang susah. Kalau murid berkenaan sudah lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu maka sudah tentu ia juga akan lemah dalam mata pelajaran yang lain (G5).

Impak ini turut diakui subjek IB4 yang menyatakan bahawa masalah membaca yang dihadapi oleh anaknya telah menyebabkan kemerosotan pencapaian dalam mata pelajaran lain. Kata subjek IB4:

Ya, saya tahu sebab anak saya ini bukan sahaja lemah dalam membaca tetapi juga lemah dalam subjek yang lain (IB4).

Hal yang sama juga turut diakui oleh subjek M1 yang terlibat dalam kajian ini. M1 mengakui bahawa kelemahannya menguasai kemahiran membaca menyebabkan beliau menghadapi kesukaran untuk belajar dalam mata pelajaran lain. Kata subjek M1:

Sebab saya tak boleh membaca cikgu. Kalau saya sudah boleh membaca tentulah saya akan dapat belajar subjek-subjek yang lain (M1).

Rumusannya, kajian mendapati kelemahan murid menguasai kemahiran membaca di peringkat Darjah 6 banyak menjejaskan pembelajaran mereka terhadap mata-mata pelajaran yang lain selain mata pelajaran Bahasa Melayu. Kesemua ini dibuktikan melalui temu bual pengkaji dengan subjek-subjek yang terlibat dalam kajian ini.

Sukar Menghadapi Peperiksaan

Kajian mendapati murid yang lemah menguasai kemahiran membaca akan berhadapan dengan kesukaran apabila menghadapi peperiksaan atau ujian. Pentafsiran sukar menghadapi peperiksaan ini adalah berdasarkan dapatan temu bual pengkaji dengan beberapa subjek yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Murid-murid yang lemah menguasai kemahiran membaca akan berdepan dengan kesukaran untuk menghadapi peperiksaan dan ujian. Hal ini dinyatakan oleh subjek G2, G3, dan G6 ketika ditemu bual:

Murid yang lemah membaca nanti akan berhadapan dengan kesukaran menjawab soalan sebab kelemahan membaca mereka. Dengan sendiri apa yang diajarkan ataupun apa juga bentuk-bentuk latihan dan ujian murid yang lemah membaca ini akan terkandas. Misalnya dalam pelajaran fahaman karangan jika mereka lemah membaca sudah tentu mereka ini tidak dapat menjawab dengan baik soalan fahaman berkenaan (G2).

Memang, sebab dari segi bahasa murid berkenaan harus menguasai kemahiran membaca yang kukuh dahulu. Jika mereka ini lemah membaca maka sudah tentu mereka ini menghadapi kesukaran untuk menjawab sebarang soalan samada ujian atau peperiksaan sebab mereka tidak faham tentang isi soalan dan arahan ujian atau peperiksaan tersebut. Sebab pengukuran kemajuan seseorang murid itu lebih banyak melalui ujian dan peperiksaan (G3).

Boleh...ia boleh menjejaskan...kerana jika mereka tidak dapat membaca dan memahami dengan baik sudah tentu mereka ini tidak dapat menjawab soalan-soalan peperiksaan. Kedua tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik kerana mereka tidak dapat membaca dan memahami (G6).

Melihat dari sudut pandangan subjek murid pula, jelas menggambarkan kelemahan menguasai kemahiran membaca dengan baik menyebabkan mereka (murid) sukar menghadapi peperiksaan atau ujian. Pengakuan ini dinyatakan oleh subjek M1, M2, M3 dan M4 ketika ditemu bual:

Payah, dan saya tidak berapa pandai membaca cikgu. Ah... jadi memang sukar untuk menjawab soalan periksa (M1).

Susah menjawab soalan, selalu mendapat markah rendah, dimarah cikgu. Tidak gembira kerana tidak lancar membaca (M2).

Kerana saya tidak boleh menjawab soalan dalam kertas periksa Sebab soalnya susah nak saya abaca. Perkataannya panjang dan saya tidak faham apa yang saya baca (M3).

Sebab saya tak boleh membaca soalan yang panjang cikgu, Kerana saya susah untuk mengeja dan membuat ayat cikgu. Ya, saya memang susah hendak membaca. Kalau saya membaca, saya baca dengan perlahan cikgu. Kadang-kadang memang saya tidak faham dan tidak ingat apa yang dibaca (M4).

Berdasarkan contoh-contoh petikan temu bual yang dibincangkan, didapati, murid yang bermasalah membaca atau lemah menguasai kemahiran membaca akan berdepan dengan kesukaran apabila menduduki peperiksaan atau ujian. Kenyataan ini memang terbukti kebenarannya seperti mana yang berlaku di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Brunei Darussalam. Setiap kali keputusan peperiksaan dikeluarkan, kebanyakan murid yang gagal itu ialah mereka yang terdiri daripada murid yang lemah menguasai kemahiran membaca.

Kesan Psikologi

Minat dan motivasi sangat dominan dan berperanan dalam membina tabiat suka membaca. Di samping itu, dorongan dan pemupukan minat perlu ditanamkan oleh guru, ibu bapa serta komuniti setempat. Minat yang tinggi terhadap membaca membolehkan individu tersebut berjaya dalam kehidupannya. Hasil dapatan data temu bual dengan subjek menunjukkan kesan psikologi itu berkaitan dengan minat,

semangat, emosi dan sikap murid. Murid yang lemah menguasai kemahiran membaca akan menghadapi berbagai-bagai impak psikologi. Kenyataan ini adalah berdasarkan beberapa petikan temu bual pengkaji dengan subjek kajian G1, G4 dan G6.

Kelemahan ini jika tidak dicegah atau diatasi dari awal akan membawa kesan jangka panjang kepada murid berkenaan. Seperti tercicir dari sekolah, berhadapan dengan masalah sosial bila keluar dari sekolah. Mungkin juga mempengaruhi emosi mereka seperti rendah diri, kurang bersemangat dan rasa tersisih dari orang yang pandai (G1).

... mereka juga kurang aktif di dalam bilik darjah kerana mungkin merasa rendah diri dan malu dengan kawan-kawan. Keempat kurang motivasi jika mereka tidak pandai membaca menyebabkan mereka bosan untuk belajar. Apa lagi apabila selalu di ejek oleh kawan-kawan mereka dan sering dimarah oleh guru menyebabkan minat dan motivasi mereka langsung tidak ada (G6).

Maksud saya ialah murid yang lemah dan tidak pandai membaca akan disingkirkan oleh kawan-kawan mereka, menyebabkan murid ini terasa terasing dan tidak dipedulikan menyebabkan mereka tidak minat belajar...Saya mendapati murid yang lemah membaca ini selalu merasa rendah diri di kalangan kawan-kawan mereka kerana mereka tahu yang mereka ini tidak ada kebolehan seperti kawan-kawan mereka itu...Disebabkan mereka tidak boleh membaca menyebabkan murid ini malas untuk belajar mungkin kerana terlalu banyak sudah mencuba akhirnya mereka merasa malas untuk mencuba. Murid yang lemah membaca ini juga kurang motivasi untuk belajar berbanding murid yang pandai membaca (G4).

Rumusan daripada impak psikologi terhadap kegagalan menguasai kemahiran membaca banyak membawa impak negatif terhadap psikologi murid itu sendiri. Kesannya membawa impak yang tidak baik terhadap perkembangan emosi murid berkenaan. Misalnya, suka mengasingkan diri, terlampau merendah diri, suka ponteng sekolah dan kelas, tidak percaya diri. Semua sifat negatif yang dinyatakan ini adalah berpunca daripada kelemahan murid menguasai kemahiran membaca dalam konteks di sekolah.

Kedudukan Bilangan di Dalam Kelas

Antara impak yang jelas dan mudah dilihat ialah apabila keputusan peperiksaan dikeluarkan murid, yang bermasalah membaca selalu berada di kedudukan terkebelakang di dalam kelas. Untuk memudahkan memahami istilah ini, pengkaji telah menemu bual subjek murid. Sebagai contoh subjek M4, beliau mengakui bahawa selalu sahaja mendapat bilangan nombor di belakang apabila keputusan peperiksaan dikeluarkan. Kata M4: *"Saya mendapat nombor 23 cikgu. Ramai kami di kelas,...23 orang"*. Kenyataan yang sama juga dikongsi sama oleh subjek M2 dan M3. Mereka mengakui sentiasa berada kedudukan nombor terakhir di dalam kelas berkenaan. Berikut petikan temu bual subjek M2 dan M3:

Saya selalu mendapat no 27 cikgu.... Ah, ramai kami di kelas ialah 27 juga (M2).

Saya mendapat nombor 25 daripada 25 orang...saya tidak pernah dapat nombor di depan cikgu (M3).

Kenyataan yang sama juga diakui oleh subjek guru yang terlibat dalam kajian ini. Menurut subjek G3, beliau sering mendapati murid bermasalah membaca ini seringkali mendapat nombor penghabisan. Punca berlakunya perkara ini adalah disebabkan mereka lemah dalam pelajaran. Kelemahan dalam pelajaran ini berpunca daripada tidak dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik. Kenyataan ini dikatakan oleh G3 dan G6 ketika ditemu bual:

....murid itu memang susah untuk mengikuti pelajaran apa lagi untuk memahami isi pelajaran itu. Contohnya bila saja keputusan peperiksaan dikeluarkan kebanyakan murid-murid yang lemah membaca ini akan berada di kedudukan di belakang...maksud saya jika ramai murid di kelas itu 30 orang, biasanya mereka lah yang berada dibilangan tersebut (G3).

Mengikut pengalaman saya mengajar di beberapa buah sekolah rendah. Saya sering mendapati murid-murid yang lemah membaca ini selalu sahaja mendapat nombor penghabisan... maksud saya begini...jika ramai murid di kelas tersebut 35 orang. Apabila keputusan periksa dikeluarkan, biasanya murid yang tidak boleh membaca dengan baik ini lah yang berada di kedudukan tersebut...(G6)

KESIMPULAN

Masalah ketidakbolehan membaca masih berlaku di negara Brunei Darussalam. Dengan jumlah penduduk yang tidak ramai dan dilengkapi dengan kemudahan pendidikan yang serba maju, sepatutnya masalah tidak boleh membaca ini tidak boleh berlaku atau sekurangnya dalam jumlah yang sedikit. Melalui kaedah temu bual yang dijalankan terhadap subjek guru, murid dan ibu bapa murid, maka terdapat banyak faktor yang telah dikenal pasti. Oleh itu, agensi-agensi bawah Kementerian Pelajaran Brunei seperti Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Buku Teks, Bahagian Pendidikan dan Latihan Guru, Jabatan Pendidikan Daerah dan lain-lain perlu mengenal pasti langkah-langkah untuk mengatasi masalah ketidakbolehan membaca dalam kalangan murid ini. Dalam kajian ini, telah dikenal pasti enam faktor utama yang menyumbang kepada masalah membaca ini masih lagi berlaku. Faktor kegagalan membaca ini memberi kesan negatif kepada murid-murid. Kesan masalah tidak boleh membaca ini jika tidak diatasi akan menjejaskan pencapaian akademik murid-murid secara keseluruhannya.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Creswell, J.W. 2005. *Research design: Qualitative and quantitative approach*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Flick, U. 1998. *An introduction to qualitative research*. London: Sage Publication.
- Jabatan Pelajaran Brunei. 1985. *Sistem pendidikan negara Brunei Darussalam*. Bandar Sri Begawan: Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam.
- Jabatan Peperiksaan Brunei. 2007. *Laporan ketua pemarkahan kertas peperiksaan penilaian sekolah rendah Brunei Darussalam*. Bandar Sri Begawan: Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. 1988. *Maklumat dasar-dasar pelajaran negara Brunei Darussalam*. Bandar Sri Begawan: Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. 1997. *Sukatan pelajaran bahasa Melayu sekolah-sekolah rendah darjah I hingga VI*. Bandar Sri Begawan: Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. 2006. *Kajian membaca di lapan buah sekolah rendah terpilih di Brunei Darussalam*. Bandar Sri Begawan: Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam.
- Jerie anak Peter Langan. 2008. Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamaruddin Husin. 1990. *Pedagogi bahasa 4*. Petaling Jaya. Longmann.
- Landis, J.R. & Koch, G.G. 1977. The measurement of observer agreement for categorical data. *Biometrics*, 45: 255–268.
- Mahzan Arshad. 2003. *Pendidikan literasi bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marzukhi Nyak Abdullah. 1994. *Kaedah pengajaran bahasa Melayu: Kurikulum bersepadu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Md. Daud Taha. 2000. *Bacaan mekanis dan hubungannya dengan kemahiran bertutur*. Bandar Seri Begawan: Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah.
- Mohamad Sofee Razak. 2007. Intelek kurang membaca. *Utusan Malaysia*, 26 November.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2005. Kemahiran mendengar bahasa Arab: Satu kajian di sekolah menengah kerajaan negeri. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sabar Mohamad. 2008. Tabiat membaca dalam kalangan pelajar luar bandar di Melaka. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Samsiah Yaakub. 2008. Penguasaan bacaan mekanis di kalangan murid darjah 3: Satu kajian kes di Sekolah Umar Ali Saifuddin, Brunei Muara. Jabatan Pendidikan

Bahasa, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Sugiyono. 2005. *Memahami penelitian kualitatif*. Bandung: CV Alfabeta.

Wiersma, W. 2000. *Research methode in education: An introduction*. Needham Heights, NY: Allyn & Bacon.

Yahya Othman. 2008. *Proses dan strategi membaca berkesan*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Yin, R.K. 1994. *Case study research: Design and methods*. 2nd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar cemerlang sekolah menengah. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Zamri Mahamod. 2008. *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. (Phyt.). Shah Alam: Penerbitan Karisma.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Hj. Tamam Hj. Timbang

Jabatan Kurikulum

Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam

hjtamam_hjtimbang@yahoo.com